

# Pengeluaran kereta buatan Malaysia 1986 — Mahathir

30 OCT 1986

ALUR SETAR, 29 Okt. — Kereta buatan Malaysia dengan reka-bentuk dan ciri-ciri tempatan dirancang pengeluarannya pada tahun 1986 atau lebih awal dari itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu hari ini.

Perdana Menteri berkata bentuk kereta tersebut merupakan saiz yang popular di negara ini dalam lingkungan 1,200 hingga 1,600 cc tapi saiz sebenarnya masih dirahsiakan.

Oleh  
Mat Piah  
Teh Deris

“Motokar yang kita buat dalam lingkungan ini tapi saiznya masih dirahsiakan”, tegasnya.

Beliau memberitahu, rancangan Malaysia untuk membuat kereta sendiri telah lama dirancang merupakan usahasama Perbadanan Jentera Berat Malaysia (HICOM) dengan sebuah syarikat Jepun.

Bercakap kepada para wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa UMNO Bahagian Kubang Pasu di Jitra dekat sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kereta tersebut masih belum mempunyai nama tetapi lebih murah dari kereta yang diimport dari luar negeri.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menjelaskan sebab itulah kerajaan baru-baru ini menaikkan cukai kereta.

Beliau berkata, sebelum pengeluarannya, Malaysia perlu mengadakan kilang dan pelaburan yang agak besar termasuk mengadakan trek ujian.

Ditanya sama ada kereta buatan Malaysia itu akan dieksport, Datuk Sri Dr. Mahathir membayangkan ianya tidak mungkin dieksport sehingga dapat meningkatkan pengeluaran kerana pengeluaran mungkin tidak kompetitif kerana banyak bahan perlu dibeli dari luar negeri.

Perdana Menteri menyebutkan sudah tibamasanya Malaysia patut membuat motokar dalam negeri tapi untuk membuat 100 peratus adalah amat sukar.

Menurutnya, selama ini Malaysia ada memangsang kereta dengan menggunakan 10 peratus bahan tempatan seperti tayar, beteri dan beberapa perkara yang muda.

Katanya, “kita telah membuat satu rundingan dengan sebuah syarikat Jepun untuk meningkatkan bahan-bahan tempatan dalam pemasangan kereta tersebut”.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, bahawa Malaysia sepatutnya sudah sampai ke satu peringkat meningkatkan pengeluaran kereta-kereta yang dipasang di

negara ini dengan menggunakan bahan-bahan tempatan.

Beliau juga menyebutkan Malaysia merupakan negara yang ketiga di Asia di samping Jepun dan Australia yang paling ramai bilangan pembeli kereta.

Menurutnya, Malaysia membeli lebih 100,000 buah kereta setahun dan sudah tentu patut buat motokar dalam negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya menjelaskan, bentuk kereta buatan Malaysia itu nanti adalah unik dan istimewa iaitu rekabentuk Malaysia dengan pertolongan Jepun yang tidak boleh didapati di luar negeri.

Menurutnya, selepas membuat rekabentuk kereta tersebut Malaysia juga akan mengadakan pemasangan jenteranya dan seterusnya memulakan pengeluaran jentera sendiri.

Bagaimanapun, menurutnya, perkara ini memerlukan masa yang agak lama.

“Kita tidak mungkin buat semuanya walaupun kita ada pasaran yang banyak”, tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun menisfatkan langkah ini satu permulaan yang baik bagi membolehkan Malaysia mengeluarkan kereta sendiri.